

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MQT DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT  
NAWI [ TUMPAT ]**

**TARIKH : 18 OKTOBER 2018 (KHAMIS)**

**SOALAN NO.3**

Minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan senarai kawasan hutan dara (virgin forest) mengikut negeri berdasarkan ucapan YAB Perdana Menteri di Perhimpunan Agong Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) yang menyatakan Malaysia masih lagi mengekalkan 48 peratus daripada keluasanya.

### SOALAN MQT NO.3

#### Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Istilah kawasan Hutan Dara yang disebut dalam ucapan YAB Perdana Menteri adalah merujuk kepada kawasan hutan terpelihara yang belum terjejas dengan aktiviti ekonomi. Kenyataan tersebut dibuat dalam konteks untuk menangkis toman pihak barat bahawa Malaysia melaksanakan penyahutanan bagi tujuan perladangan dan pembangunan .

Keluasan kawasan hutan diseluruh negara adalah seluas 18,247,720 hektar iaitu kira-kira 55.52 peratus dari kawasan tanah Malaysia. Kementerian saya sedang mengemaskini kesemua data-data perhutanan di seluruh negara dan akan mengemukakan secara bertulis kemudian.

Sekian terima kasih.